


**BAHAGIAN A**

[80 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan dua pilihan untuk menyelesaikan masalah.



- (a) Andaikan anda menghadapi masalah dalam kehidupan. Apakah pilihan anda? Berikan alasan.

---

---

[2 markah]

- (b) Mengapa nilai murni penting untuk masyarakat Malaysia dalam menyahut cabaran hidup?

- i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_  
iii. \_\_\_\_\_

[3 markah]

- (c) Hadiah Nobel ialah hadiah yang dimulakan oleh wasiat Alfred Nobel, dan dianugerahkan kepada individu yang telah melakukan penyelidikan yang ulung, mencipta teknik atau radas yang luar biasa, atau memberi sumbangan yang utama kepada masyarakat.

Jelaskan nilai yang perlu anda amalkan berdasarkan pernyataan di atas supaya anda boleh dipilih sebagai salah seorang penerima Hadiah Nobel.

---

---

---

[3 markah]

- (d) Nyatakan dua kategori yang terdapat dalam Hadiah Nobel.

- i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_

[2 markah]

2 Makumat berikut berkaitan etika dalam keluarga.

- Saling menghormati dan menghargai
- Bertutur dengan lembut dan sopan
- Mendengar nasihat orang tua
- Meluangkan masa bersama-sama

(a) Mengapakah setiap anggota keluarga perlu mematuhi etika dalam keluarga?

- i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_

[2 markah]

(b) Sekiranya anda seorang ketua keluarga, bagaimanakah anda mengatasi konflik rumah tangga?

- i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_

[2 markah]

(c) Sikap penyayang ibu bapa penting dalam mengekalkan keharmonian sesebuah keluarga. Kemukakan alasan anda.

- i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_

[2 markah]

(d) Nyatakan kesan sekiranya anggota keluarga tidak mematuhi etika dalam keluarga. Berikan alasan anda berdasarkan satu nilai murni.

---

---

---

---

---

---

[4 markah]

- 3 Gambar di bawah menunjukkan Program Pertanian Bandar.



- (a) Nyatakan objektif Program Pertanian Bandar dilaksanakan.

- i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_

[2 markah]

- (b) Berikan tiga kebaikan yang dapat diperoleh melalui program ini.

- i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_  
iii. \_\_\_\_\_

[3 markah]

- (c) Andaikan anda seorang pegawai daripada Jabatan Pertanian, nyatakan tindakan anda bagi menggalakkan penyertaan penduduk bandar dalam program tersebut.

- i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_

[2 markah]

- (d) Pada pendapat anda, sejauh manakah kesedaran penduduk bandar tentang program ini?

---

---

---

---

[3 markah]

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan dialog dua orang pekerja.

Jamil : Muthu, saya belum dapat lagi gaji bulan lepas.  
Muthu : Jamil, cuba hubungi majikan kamu. Pihak majikan saya tidak pernah berhutang gaji dengan pekerjanya.  
Jamil : Baik, Muthu.  
Muthu : Sepatutnya majikan perlu mementingkan kebijakan pekerja.

- (a) Selain nilai rasional dan bertanggungjawab, terangkan nilai yang perlu diamalkan oleh pihak majikan.

i. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[4 markah]

- (b) Apakah perasaan anda apabila membaca dialog dua orang pekerja di atas? Berikan alasan anda.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[3 markah]

- (c) Nyatakan peranan kesatuan sekerja.

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

[3 markah]

5 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah sosial dalam kalangan masyarakat.

Di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, hukuman mati mandatori akan dikenakan bagi mereka yang memiliki dadah dalam amaun yang membawa anggapan pengedaran, iaitu:

- 15 gram atau lebih heroin atau morfin
- 40 gram atau lebih kokain
- 200 gram atau lebih kanabis
- 1,000 gram atau lebih candu mentah atau candu masak
- 2,000 gram atau lebih daun koka
- 50 gram atau lebih ekstasi atau syabu

(a) Pada pendapat anda, mengapakah hukuman mati mandatori perlu dikenakan bagi pengedar dadah yang didapati bersalah?

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

[3 markah]

(b) Wajarkah polis menahan mereka yang disyaki mengedar dadah tanpa perbicaraan? Kemukakan alasan anda.

---

---

---

[3 markah]

(c) Jelaskan kepentingan Akta Dadah Berbahaya 1952.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_

[2 markah]

(d) Anda mendapati rakan anda telah mengambil pil ekstasi. Bagaimanakah anda membantu rakan tersebut?

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_

[2 markah]

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan jualan murah.

**NOTIS JUALAN MURAH**

Pengawal Perihal Dagangan memberikan kebenaran kepada peniaga untuk mengadakan jualan murah sebanyak empat kali, iaitu:

- a) Tiga kali tarikh Pengawal Perihal Dagangan
- b) Satu kali tarikh pilihan peniaga

(Sumber: <https://www.kpdnhep.gov.my/notis-jualan-murah-2/>)

- (a) Apakah kebaikan jualan murah?

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_

[2 markah]

- (b) Segelintir peniaga cuba menaikkan harga untuk menipu pengguna semasa jualan murah. Sikap peniaga seperti ini tidak wajar dicontohi. Huraikan alasan anda berdasarkan satu nilai murni yang anda pelajari.

---

---

---

---

---

[4 markah]

- (c) Anda mendapati bahawa peniaga kedai runcit berdekatan tempat tinggal anda telah mengambil kesempatan menaikkan harga barang kawalan sempena musim perayaan. Apakah tindakan anda? Berikan alasan anda.

---

---

---

---

[3 markah]

- (d) Nyatakan satu agensi yang membela hak pengguna.

---

[1 markah]

7.

Salah satu matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) adalah mengenai perpaduan.

(a) Bagaimanakah sistem pendidikan boleh membentuk perpaduan di negara kita?

- i. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[3 markah]

(b) Berikan pendapat anda mengenai peranan guru dalam merealisasikan hujah anda di 7(a).

- i. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[3 markah]

(c) Selain pendidikan, nyatakan cara lain yang dapat memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar sekolah.

- i. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[2 markah]

(d) Pelajar harus mengamalkan nilai toleransi dalam mewujudkan hubungan yang erat sesama mereka. Jelaskan definisi nilai toleransi.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[2 markah]

- 8 Berikut merupakan dilema yang dialami oleh Felix dalam memilih kerjaya setelah tamat pengajian dalam bidang kejuruteraan.

Aspek	Charles & Keith Engineering Firm	Syarikat Cahaya Indah Sdn. Bhd.
Lokasi	Brisbane, Australia	Menara Hap Seng, Kuala Lumpur
Gaji sebulan	RM16,000	RM6,000
Kemudahan yang ditawarkan	Elaun makanan	Elaun perubatan Elaun pengangkutan Elaun sara diri
Tempoh perkhidmatan	Secara kontrak (Diperbaharui mengikut prestasi kerja)	Tiga bulan percubaan sebelum dilantik secara tetap

- (a) Andaikan anda ialah Felix. Syarikat manakah yang menjadi pilihan anda? Nyatakan alasan anda.

---



---



---

[3 markah]

- (b) Isu pengangguran merupakan suatu isu yang sensitif dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan siswazah. Pada pendapat anda, apakah punca berlakunya pengangguran dalam kalangan belia terutamanya golongan siswazah?

---



---



---



---



---

[4 markah]

- (c) Nyatakan tiga langkah yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan graduan di negara kita.

- i. \_\_\_\_\_
- 
- ii. \_\_\_\_\_
- 
- iii. \_\_\_\_\_
- 

[3 markah]

## **BAHAGIAN B**

[20 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja.

9. Teliti pernyataan di bawah ini.

Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia sekarang ini mengundang pelbagai musibah dan hikmah. Namun, bagi pelajar yang bakal menduduki peperiksaan penting seperti SPM, STPM dan sebagainya saban hari mereka diburu resah dan dikejar gelisah. Tekanan perasaan atau stres pasti sahaja mengganggu proses pembelajaran selain harapan menggunung daripada ibu bapa dan para guru di sekolah.

Cadangkan beberapa tips atau panduan untuk mengatasi stres ketika menjelang peperiksaan dalam kalangan pelajar. [10 markah]

- 10 Gambar berikut adalah berkaitan dengan Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Rukun Negara.



Berdasarkan 5 prinsip Rukun Negara, terangkan pengamalan nilai-nilai murni yang wajar dilakukan oleh rakyat Malaysia untuk menjadi warganegara yang bersemangat patriotisme dan berbudi bahasa.

[10 markah]

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

11 Maklumat di bawah adalah laporan media berkaitan dengan kes melibatkan pemandu mabuk.



Infografik Bernama

Terangkan nilai-nilai murni yang sepatutnya diamalkan oleh pemandu kendaraan semasa memandu di jalan raya.

[10 markah]

## KERTAS SOALAN TAMAT

**SKEMA JAWAPAN PENDIDIKAN MORAL KERTAS 1 (1225/1)****PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 1/2020****BAHAGIAN A:****Soalan 1**

No	Penerangan/Huraian/Contoh	M
1	- Pilihan sendiri.	1
(a)	- Tidak menyusahkan orang lain.  ATAU - Pilihan kumpulan. - Dapat menyelesaikan masalah dengan cepat.	1 1 1 1
	(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 2m]	
(b)	- Bersedia untuk berunding semasa menghadapi konflik. - Berusaha untuk meningkatkan taraf hidup. - Berani dan tabah semasa menghadapi kesusahan.	1 1 1
	(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 3m]	
(c)	- Nilai kerajinan. - Inovatif dan kreatif dalam bidang yang diceburi dengan semangat ingin mencuba sesuatu kelainan. - Tidak mudah kenal erti putus asa dan sentiasa gigih berusaha sehingga mencapai kejayaan.	1 1 1
(d)	- Perubatan - Fizik - Kesusteraan - Kimia - Keamanan [Max: 2m]	1 1 1 1 1

**Soalan 2**

2	- Memastikan kesejahteraan hidup	1
(a)	- Melahirkan keluarga yang bahagia  (Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 2m]	1
(b)	- Sedia mendengar masalah setiap anggota keluarga. - Memberikan nasihat secara adil.  (Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 2m]	1 1
(c)	- Menggerakkan hubungan yang baik antara anggota keluarga - Mewujudkan suasana keluarga yang positif  (Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 2m]	1 1
(d)	- Nilai harga diri / bertanggungjawab / toleransi / kasih sayang / rasional / kasih sayang terhadap keluarga / hormat dan taat kepada anggota keluarga / tanggungjawab terhadap keluarga	1

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjatuhkan maruah keluarga</li> <li>- Menimbulkan kucar-kacir dalam sesebuah keluarga</li> <li>- Merenggangkan hubungan kekeluargaan</li> </ul> <p>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 4m]</p>	1 1 1
--	--	-------------

## Soalan 3

(a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggalakkan penduduk bandar mengeluarkan hasil pertanian untuk menampung keperluan harian.</li> <li>- Menambahkan pendapatan sampingan penduduk bandar melalui pengeluaran hasil pertanian</li> </ul> <p>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 2m]</p>	1 1
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyokong kelestarian persekitaran bandar</li> <li>- Membentuk komuniti yang sihat dan produktif</li> <li>- Mengurangkan beban sara hidup penduduk Bandar</li> </ul> <p>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 3m]</p>	1 1 1
(c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mewujudkan kerjasama dengan Pejabat Pertanian Daerah untuk mengadakan Kempen Pertanian Bandar</li> <li>- Menyediakan khidmat sokongan dalam mengalakkan lebih ramai penduduk bandar supaya terlibat dalam Program Pertanian Bandar</li> </ul> <p>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 2m]</p>	1 1
(d)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penduduk bandar semakin sedar akan keperluan untuk menghasilkan pertanian sendiri.</li> <li>- Penduduk bandar dapat menjana pendapatan melalui jualan hasil pertanian.</li> <li>- Penduduk bandar dapat menjimatkan perbelanjaan untuk membeli hasil pertanian di pasar</li> </ul> <p>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 3m]</p>	1 1 1

## Soalan 4

(a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Nilai melindungi hak pekerja</li> <li>- Menjaga kebajikan setiap pekerja</li> <li>-Nilai keadilan</li> <li>- Memberikan layanan yang sama kepada setiap pekerja</li> </ul> <p>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 4m]</p>	1 1 1 1
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kecewa / sedih / marah / simpati</li> <li>- Pihak majikan patut membayar gaji setiap bulan dengan mematuhi Akta Kerja 1955</li> <li>- Pihak majikan perlu menjelaskan gaji yang dihutang dengan segera</li> </ul> <p>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 3]</p>	1 1 1
(c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberikan tumpuan terhadap layanan pihak majikan terhadap pekerja</li> <li>- Membela nasib pekerja yang ditindas</li> <li>- Menangani isu pekerja wanita</li> </ul> <p>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 3m]</p>	1 1 1

## Soalan 5

5 (a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberikan amaran kepada masyarakat</li> <li>- Mengurangkan kes jenayah berat</li> <li>- Melindungi keselamatan masyarakat</li> </ul> <p><i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 3m]</i></p>	1 1 1
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Wajar</li> <li>- Mempunyai hak untuk membuat siasatan</li> <li>- Mengelakkan ketenteraman negara</li> </ul> <p>ATAU</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak wajar</li> <li>- Memerlukan bukti yang sah</li> <li>- Mengelakkan tuduhan yang membawa kemudarat</li> </ul> <p><i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 3m]</i></p>	1 1 1 1 1 1
(c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mewujudkan Negara Malaysia bebas daripada ancaman dadah</li> <li>- Mengekalkan kestabilan dan pertahanan nasional</li> </ul> <p><i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 2m]</i></p>	1 1
(d)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberitahu ibu bapa rakan</li> <li>- Mengajak rakan untuk melakukan aktiviti yang berfaedah</li> </ul> <p><i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 2m]</i></p>	1 1

## Soalan 6

6 (a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengurangkan kos sara hidup rakyat</li> <li>- Meringankan beban tanggungan keluarga</li> </ul> <p><i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 2m]</i></p>	1 1
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Nilai amanah / bertanggungjawab / rasional / melindungi hak pengguna / mematuhi peraturan dan undang-undang</li> <li>- Peniaga perlu akur dengan undang-undang</li> <li>- Peniaga patut mengelakkan penipuan dan penyelewengan</li> <li>- Peniaga harus mencari sumber rezeki dengan cara yang betul</li> </ul> <p><i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 4m]</i></p>	1 1 1 1
(c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberitahu kepada ibu bapa</li> <li>- Melaporkan kepada pihak polis</li> <li>- Menyiarkan perbuatan peniaga di media sosial</li> </ul> <p><i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 3m]</i></p>	1 1 1
(d)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)</li> </ul>	1

## Soalan 7

(a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Satu sistem persekolahan iaitu sekolah SJKT dan SJKC disatukan</li> <li>- Bahasa pengantar yang sama iaitu Bahasa Melayu</li> <li>- Kurikulum yang sama</li> </ul> <p><i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 3m]</i></p>	1 1 1
(b)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Susun atur tempat duduk pelajar digabungkan tanpa mengira kaum dan tidak berkelompok</li> <li>- Aktiviti dalam kelas haruslah melibatkan semua pelajar iaitu pembentukan kumpulan perlu bersifat majmuk</li> <li>- Penggunaan bahasa kebangsaan dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran mahupun pertuturan dengan semua pelajar termasuklah pelajar dalam kalangan ras (kaum) yang sama</li> </ul> <p><i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 3m]</i></p>	1 1 1
(c)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Acara sukan</li> <li>- Kempen atau karnival seperti Karnival Kemerdekaan</li> </ul> <p><i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 2m]</i></p>	1 1
(d)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesanggupan bertolak ansur, sabar, dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup</li> </ul> <p><i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 2m]</i></p>	2

## Soalan 8

(a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Charles &amp; Keith Engineering Firm</li> <li>- Gaji lumayan</li> <li>- pengalaman bekerja di syarikat antarabangsa mapu memberi cabaran dan pengalaman berbeza</li> <li>- peluang lebih cerah untuk mendapatkan pekerjaan sekiranya kembali bekerja di dalam Negara</li> </ul> <p>ATAU</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Syarikat Cahaya Indah Sdn. Bhd.</li> <li>- mencurahkan tenaga kearah pembangunan Negara</li> <li>- dapat meluangkan lebih banyak masa bersama ahli keluarga</li> <li>- dapat mengelakkan aliran mata wang keluar</li> </ul> <p><i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 3m]</i></p>	1 1 1 1
(b)	<p>F1: Graduan kurang berkemahiran seperti kemahiran berfikir, menganalisa sesuatu, berbicara dalam pelbagai bahasa, dan kemahiran berinteraksi dengan masyarakat</p> <p>H1: pendedahan di peringkat universiti adalah lebih kepada teori bukannya praktikal</p> <p>F2: Faktor malas</p> <p>H1 : menerima bantuan kerajaan seperti pemberian biasiswa dan menganggap kerajaan akan menawarkan peluang pekerjaan selepas tamat pengajian</p>	1 1 1 1

	F3 : Terlalu memilih pekerjaan H1 : memilih kerjaya yang diminati sahaja dan terlalu berkehendak kepada gaji yang tinggi atau menjadikan masalah pengangkutan sebagai suatu alas an <i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)</i> [Max: 4m]	1 1
(c)	- Meningkatkan peluang pekerjaan dengan menarik lebih banyak modal asing ke Malaysia - Menjalankan pelbagai program untuk memahirkan golongan belia seperti mengadakan program Bahasa Inggeris dan mengutamakan penubuhan institute kemahiran dengan Negara-negara luar seperti Jerman - Memudahkan urusan untuk mendapatkan pinjaman peribadi bagi membantu belia memulakan perniagaan secara kecil-kecilan - Menawarkan tangga gaji dan peluang pekerjaan yang menarik <i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)</i> [Max: 3m]	1 1 1 1

## BAHAGIAN B :

## Soalan 9

Watak : Pelajar / Calon peperiksaan	1
Nilai-nilai: Bertanggungjawab / Amanah / Kasih sayang / Hemah tinggi / Rasional	
Nilai : Bertanggungjawab	1
F1: Pengurusan masa yang teratur	1
H1 : membuat jadual belajar yang memfokuskan kepada ulang kaji pelajaran	1
H2 : mengurus masa dengan efisien untuk mengelakkan diri daripada belajar di saat akhir	1
Nilai : Amanah	1
F1 : Pengambilan makanan yang seimbang demi kesihatan tubuh badan dan menjaga amanah Tuhan	1
H1 : Makan mengikut waktu yang ditetapkan dan elakkan pengambilan garam dan gula yang lebih	1
H2 : lebihkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran	1
H3 : bersarapan terlebih dahulu terutamanya ketika hendak menghadapi peperiksaan agar badan lebih bertenaga dan fokus ketika menjawab soalan	1
Nilai : Kasih sayang	1
F1 : tidur mencukupi	1
H1 : pastikan tidur yang mencukupi agar otak cerdas dan mengelakkan sindrom otak kaku	1
H2 : tidak mengulang kaji pelajaran hingga lewat malam pada minggu peperiksaan	1
Nilai : Hemah tinggi	1
F1 : berdoa	1
H1 : bersembahyang dan memohon restu Tuhan agar mudah menjawab soalan peperiksaan dan memperoleh berkat	1
H2 : menjaga disiplin diri ketika belajar agar tidak terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat atau memudaratkan diri	1

Nilai : Rasional	1
F1 : berbincang dengan ibu bapa secara berhemah dan waras	1
H1 : berterus terang dengan ibu bapa agar tidak terlalu mendesak anak-anak untuk memperoleh keputusan yang cemerlang	1
H2 : berjanji dengan mereka akan melakukan yang terbaik dan tidak akan mengecewakan mereka <i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)</i> [Max: 10m = Nilai + Fakta + Huraian + Contoh]	1

## Soalan 10

Watak : Rakyat Malaysia	
Nilai-nilai : Taat setia kepada raja dan negara / Cinta akan negara / Hemah tinggi	
○ Nilai : Taat setia kepada raja dan negara	1
○ Kepatuhan dan kesetiaan yang berkekalan kepada raja dan negara	1
○ – tidak melanggar undang-undang negara	1
○ Tidak bersubahat dengan pihak yang ingin menjatuhkan negara	1
○ – akur dan patuh pada perlembagaan yang telah ditetapkan	1
○ Nilai : Cinta akan negara	1
○ Mempunyai perasaan sayang dan bangga kepada Negara	1
○ – meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri	1
○ Melakukan apa saja demi kepentingan negara	1
○ – menyertai aktiviti dan program yang melibatkan negara seperti perarakan hari kebangsaan	1
○ Nilai : Hemah tinggi	1
○ Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan sehari-hari	1
○ – tidak melakukan tindakan yang mencemarkan nama negara	1
○ Hidup dengan aman dan harmoni sesama masyarakat berbilang kaum	1
○ – menyahut cabaran negara untuk tujuan pembangunan	1
<i>(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)</i> [Max: 10m = Nilai + Fakta + Huraian + Contoh]	

## Soalan 11

Watak: Pemandu kenderaan	
Nilai-nilai : Mematuhi peraturan dan undang-undang/ Rasional / Hemah tinggi	
Nilai : Mematuhi peraturan dan undang-undang	1
F1 : Mematuhi dan menerima peraturan dan undang-undang jalan raya	1
H1: tidak memberikan rasuah kepada pihak polis	1
F2 : Menjaga keselamatan diri dan orang lain agar tidak berlaku kemalangan	1
H1 : tidak memandu dalam keadaan mabuk/khayal	1
H2 : memberhentikan kereta ketika lampu isyarat berwarna merah	1

Nilai : Rasional	1
F1 : Boleh berfikir berdasarkan alas an dan bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan berasaskan pertimbangan yang wajar	1
H1: memikirkan kesan buruk jika memandu dalam keadaan yang mabuk	1
F2 : Memikirkan keselamatan pemandu lain	1
H1 : tidak memandu secara berbahaya untuk mengelakkan kemalangan jiwa berlaku	1
Nilai : Hemah tinggi	1
F1 : Beradab sopan semasa memandu	1
H1 : menjaga tingkah laku semasa memandu	1
F2 : Tidak mementingkan diri sendiri semasa memandu	1
H1 : berhenti/berehat jika keadaan fizikal/mental tidak sihat untuk memandu	1
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah) [Max: 10m = Nilai + Fakta + Huraian + Contoh]	